

Sektor OGSE perlu diselaraskan, tidak hanya tertumpu di pasaran tempatan

## Keluaran minyak negara menyusut

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI dan ATIQ MAISARA SUHAIMI

**KUALA LUMPUR** — Keluaran minyak negara menurun kepada 360,000 hingga 370,000 tong sehari, berbanding 650,000 tong sehari yang dicapai dalam tempoh 15 tahun ini, sekali gus menjadi cabaran kepada sektor perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, sehubungan itu suatu perubahan perlu dilaksanakan antara lain pelarasan semula dasar kerajaan dalam menjadikan sektor OGSE lebih mampan serta tidak hanya tertumpu di pasaran tempatan semata-mata.

"Industri ini melalui tempoh begitu mencabar (antaranya) pada 2015, 2016 dan semasa pandemik Covid-19, malah terpaksa berdepan banyak cabaran."

"Jadi, ini masa terbaik untuk kita semak semula terutama perspektif bahawa industri minyak dan gas Malaysia sudah bertukar secara drastik dalam tempoh 15 tahun lepas," katanya selepas Majlis Pelancaran Banci OGSE 2024 di sini semalam.

+ Beliau berkata, kerajaan mempunyai Pelan Hala Tuju Industri



**RAFIKI** (tengah) menunjukkan borang Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas 2024 di Kuala Lumpur semalam.

OGSE Kebangsaan bagi tempoh 2021-2030 (OGSE Blueprint) berkaitan industri tersebut yang dilancarkan pada 2021.

"Tapi sebenarnya banyak yang telah berubah antara tempoh (pelan) dilancarkan sehingga

sekarang. Justeru, satu perubahan paling utama dalam agenda kerajaan adalah untuk mencapai komposisi tenaga mampan menjelang 2050.

"Beberapa keputusan besar telah dibuat sementara kita me-

merlukan kapasiti tenaga boleh baharu dibina dengan cepat. (Ini kerana) corak penggunaan, permintaan bekalan selain keadaan semasa industri berubah dari sejak waktu pelan dibuat," katanya.

Mengulas lanjut, Rafizi berka-

“Industri ini melalui tempoh begitu mencabar (antaranya) pada 2015, 2016 dan semasa pandemik Covid-19, malah terpaksa bergelumung banyak cabaran.”

**RAFIKI**

ta, Banci OGSE 2024 yang dilancarkan semalam mengambil kira kepentingan sektor OGSE kepada ekonomi negara serta ketahanan industri tersebut.

"Ia disyorkan buat pertama kali, tak pernah berlaku sebelum ini. Di peringkat Kementerian Ekonomi melalui Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) sedang melalui proses semakan kepada pelan haja tuju OGSE.

"Sebab itu maklumat dan statistik terkininya untuk memahami kedudukan semasa industri sangat penting," katanya.